KL-KUALA SELANGOR EXPRESSWAY BERHAD (409881-W)
Kompleks Operasi Lebuhraya KL-Kuala Selangor
KM 12, Lebuhraya KL-Kuala Selangor
45600 Bestari Jaya
Selangor Darul Ehsan
Tel. : +603-6145 1500 Fax.: +603-6145 1400

ARAHAN KERJA

WI 104.01

PENGENDALIAN OPERASI TOL – JURUTOL

Rev :	Disediakan Oleh :	Disemak Oleh :	Disahkan Oleh :	Tarikh :
6	Maslinda Darus	Rozaiman B. Ali	Ahmad Fuad Ahmad Shahimi	25/07/2024

Note: Latest revisions to text are indicated by ITALICS or text removed by STRIKE THROUGH.

This document is the property of KLSEB, it shall not be copied to external parties without the knowledge of the Management Representative (MR) and the authority of the Directors.

CONTROLLED COPY NO 18

BAB	KANDUNGAN	HALAMAN
1.0	PENGENALAN	2
2.0	SKOP	2
3.0	KONSEP	2
4.0	DEFINISI	2
5.0	SINGKATAN DAN MAKSUD	2
6.0	CARTA ORGANISASI	3
7.0	KELAS KENDERAAN DAN KADAR TOL	4
8.0	TANGGUNGJAWAB	4
9.0	PENGENDALIAN OPERASI PUNGUTAN TOL	5
10.0	LORONG TAMBAH NILAI ' RELOAD LANE'	15
11.0	ADUAN PENGGUNA	18
12.0	PERALATAN DI BANGUNAN PENYELIAAN	18
13.0	PERALATAN DI PONDOK / LORONG TOL	19
14.0	KEMUDAHAN DI PLAZA TOL DAN SEKITARNYA	21
15.0	PERKARA-PERKARA YANG MESTI DIPATUHI	22
16.0	PERKARA-PERKARA YANG DILARANG (APPENDIX 1)	22
17.0	PERKARA-PERKARA YANG DILARANG (APPENDIX 2)	23
18.0	KESELAMATAN DAN KECEMASAN	23
19.0	PENTADBIRAN OPERASI PLAZA	26
20.0	BORANG PERHUBUNGAN PERUSAHAAN 1 (BPP1) & SURAT TUNJUK SEBAB	29
21.0	LAIN-LAIN RUJUKAN	30
22.0	CARTA ALIRAN	30
23.0	REKOD KUALITI	30
24.0	LAMPIRAN	30

CONTROLLED COPY NO 18

1.0 PENGENALAN

1.1 Arahan Kerja ini disediakan sebagai tatakerja operasi standard *'Work Instruction'* (WI) kepada Jurutol mengenai operasi pungutan tol yang efisyen serta memberi perkhidmatan yang selesa kepada pengguna.

2.0 SKOP

2.1 Arahan Kerja – Jurutol ini merangkumi :-

a) Penerangan mengenai syarikat dan Jabatan Tol.

b) Penerangan mengenai tugas-tugas yang perlu dilaksanakan oleh Jurutol.

c) Penerangan mengenai tatacara pengendalian peralatan yang terdapat di lorong / pondok tol.

d) Penerangan mengenai keselamatan sewaktu bertugas.

e) Penerangan mengenai pentadbiran Plaza Tol.

3.0 KONSEP

3.1 **KL-KUALA SELANGOR EXPRESSWAY BERHAD (LATAR)** menggunakan sistem tol terbuka dimana pengguna hanya perlu membuat bayaran apabila melalui Plaza Tol tertentu berdasarkan kadar tol yang telah ditetapkan mengikut kelas. Pengguna adalah bebas untuk keluar/masuk lebuhraya melalui persimpangan-persimpangan yang telah disediakan kaedah pembayaran terbahagi kepada tiga iaitu :-

a) Secara tunai (Cash)

b) Secara elektronik (menggunakan kad TnG atau SmartTAG)

c) E-Wallet (menggunakan RFID atau ABT)

4.0 DEFINISI

4.1 Arahan Kerja ini adalah sebagai panduan mengenai perkara-perkara asas yang mesti diketahui dan dipatuhi oleh seseorang Jurutol dalam menjalankan tugas.

4.2 Sekiranya gagal mematuhi arahan / melaksanakan tugasan seperti yang diarahkan, kakitangan Plaza Tol boleh dikenakan tindakan.

5.0 SINGKATAN DAN MAKSUD yang digunakan didalam arahan kerja ini.

ABT	-	*'Account Base Transaction'*
ACTS	-	*'Automatic Cash Transfer System'*
AM	-	Penolong Pengurus
B3.00	-	Borang Pungutan Tol
B4.00	-	Borang Aduan / Pencerobohan Tol
B8.00	-	Borang Kehadiran Kakitangan Plaza Tol
B9.00	-	Borang Laporan Syif Operasi
B12.00	-	Borang Perhubungan Perusahaan 1
CCTV	-	*'Closed Circuit Television'*
COO	-	Ketua Pegawai Operasi
CSS	-	Jabatan Khidmat Sokongan Korporat
CSS/F03	-	Borang Kerja Lebih Masa
CSS/F12	-	Borang Cuti
ETC	-	*'Electronic Toll Collection'*
FSW	-	*'Emergency Alarm Footswitch'*
HOD	-	Ketua Jabatan Operasi Tol & Pengurusan Kualiti

CONTROLLED COPY NO 18

TOM	-	Jabatan Tol
IOU	-	Tidak Bayar / Bayar kurang
LLM	-	Lembaga Lebuhraya Malaysia
MT	-	*'Master Card TnG'*
OT	-	Kerja Lebih Masa
PO	-	Pegawai Plaza
PS	-	Penyelia Plaza
PRT	-	*'Portable Reload Terminal'*
SDL	-	*'Safe Depository Locker'*
TCC	-	*'Toll Collector Console'*
TMS	-	*'Time Management System'*
TnG	-	*'Touch 'n Go'*
TT	-	Jurutol
RFID	-	*'Radio Frequency Indentification'*
R1.00	-	Buku Log Penyelia
R2.00	-	Buku Lorong dan Wang Apongan

6.0 CARTA ORGANISASI

6.1 Carta organisasi Jabatan Tol :-



6.2 Fungsi Jabatan Tol

Jabatan yang mengawasi aktiviti di Plaza-Plaza Tol secara keseluruhan. Ia juga mengendali semakan terhadap dokumen-dokumen dan laporan-laporan daripada Plaza Tol.TOM bertanggungjawab menyediakan laporan-laporan untuk pihak pengurusan dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) berdasarkan dokumen-dokumen dan laporan-laporan tersebut.

CONTROLLED COPY NO 18

7.0 KELAS KENDERAAN DAN KADAR TOL

Kelas Kenderaan	Keterangan / Huraian	Kadar Tol Plaza Tol Ijok, Kuang Timur, Kuang Barat & Taman Rimba Templer	Kadar Tol Plaza Tol Kundang Timur & Kundang Barat
1	Kenderaan bergandar dua dengan tiga atau empat tayar kecuali teksi, limosin dan bas.Contoh – kereta, van, pacuan 4 roda.	RM 2.50	RM 1.30
2	Kenderaan bergandar dua dengan enam tayar kecuali bas. Contoh – lori kecil yang mempunyai lebih dari 4 tayar, *back hoe* bertayar kecil di depan dan besar di belakang.	RM 5.00	RM 2.60
3	Kenderaan bergandar tiga dengan lebih dari enam tayar kecuali bas. Contoh – lori treler	RM 7.50	RM 3.90
4	Teksi / Limosin	RM 1.30	RM 0.70
5	Bas, Van Pekerja / Sekolah	RM 2.00	RM 1.30

Nota : Tertakluk pada perubahan oleh syarikat dari semasa ke semasa

7.1 Bagi maksud mengira bilangan gandar dan roda sesuatu kenderaan, gandar dan roda mana-mana treler yang ditarik oleh sesebuah kenderaan hendaklah dikira sebagai sebahagian daripada gandar dan roda kenderaan tersebut. Contohnya, '*Tow Truck*' (kelas 1) yang sedang menarik sebuah kenderaan lain (kelas 1) akan diklasifikasikan sebagai kenderaan kelas 3.

8.0 TANGGUNGJAWAB

8.1 Menerima bayaran tol daripada pengguna lebuhraya serta memberikan bantuan-bantuan yang sesuai kepada pengguna-pengguna lebuhraya jika diperlukan.

8.2 Memastikan transaksi dan kutipan tol / jualan tambah nilai yang dilakukan adalah tepat mengikut jenis kenderaan dan kadar tol yang betul.

8.3 Memastikan wang kutipan tol dan tambah nilai selamat sepanjang berada didalam jagaan Jurutol.

8.4 Memastikan semua peralatan tol berada didalam keadaan yang baik dan selamat sebelum, semasa dan selepas memulakan tugas.

8.5 Mengira dan merekod jumlah kutipan tol dan wang tambah nilai dengan betul untuk diserahkan kepada Penyelia Plaza.

8.6 Menerima dan melaporkan kepada Penyelia Plaza sebarang maklumat dan aduan daripada pengguna lebuhraya.

8.7 Sentiasa memberi layanan mesra pengguna kepada pengguna lebuhraya.

8.8 Melakukan sebarang tugas-tugas lain yang akan ditentukan oleh pihak Penyelia Plaza, Jabatan Tol atau pengurusan.

CONTROLLED COPY NO 18

9.0 PENGENDALIAN OPERASI PUNGUTAN TOL

9.1 Permulaan Tugas

9.1.1 Waktu bekerja dalam satu syif adalah 9 jam sehari (termasuk rehat 1 jam). Waktu masuk dan keluar syif adalah seperti berikut:

a)	Syif A :	6.00 pagi	-	2.30 petang
b)	Syif B :	2.00 petang	-	10.30 malam
c)	Syif C :	10.00 malam	-	6.30 pagi

9.2 Jadual Bertugas

9.2.1 Jadual Bertugas disediakan oleh Jabatan Tol berdasarkan kepada keperluan operasi.

9.2.2 Jadual Bertugas asal akan disahkan mengikut salinan asal hendaklah dipamerkan di papan kenyataan yang boleh dilihat oleh semua kakitangan plaza setiap bulan seperti di Lampiran A.

9.2.3 Jadual Bertugas yang telah dikeluarkan oleh Pegawai Plaza tidak boleh diubahsuai kecuali dengan kebenaran HOD / TOM

9.2.4 Sekiranya terdapat pertukaran syif atau perubahan Jadual Bertugas yang baru, Jadual Bertugas yang lama dengan sendirinya terbatal.

9.2.5 Sekiranya terdapat kursus/program yang diadakan oleh syarikat dan jadual Jurutol tersebut jatuh pada OFF/REST, TOM berhak mengarahkan Jurutol terbabit untuk hadir. Jika gagal hadir tanpa alasan yang kukuh, TOM berhak mengambil tindakan terhadap Jurutol tersebut.

9.3 Masa Bertugas

9.3.1 Masa bertugas mengikut syif yang telah ditetapkan dan tidak boleh diubahsuai kecuali mendapat kebenaran Ketua Pegawai Operasi (COO).

9.3.2 Tidak dibenarkan membuat sebarang pertukaran syif tanpa kebenaran dari HOD / TOM.

9.3.3 Tempat bertugas bagi Jurutol telah ditetapkan di dalam Jadual Bertugas. Walau bagaimanapun, Jurutol boleh diarahkan bertugas dimana-mana Plaza Tol mengikut keperluan operasi dari semasa ke semasa dengan kebenaran HOD / TOM.

9.3.4 HOD / TOM berhak membuat pertukaran tempat kerja dari masa ke semasa sekiranya perlu.

9.4 Permulaan Syif

9.4.1 Sentuh kad kedatangan pada reader di *'Staff Entrance'* dan merekodkan kedatangan di dalam Borang Kehadiran Kakitangan Plaza Tol seperti di Lampiran B.

9.4.2 Lapor diri kepada penyelia plaza.

9.4.3 Mengisytihar kesemua wang saku persendirian yang dibawa ke Plaza Tol (termasuk wang di dalam kereta / motosikal, jika ada) di dalam Buku Lorong dan Wang Apongan (R2.00). Penyerahan oleh Jurutol dan penerimaan oleh Penyelia Plaza hendaklah disahkan serta dipersetujui jumlahnya oleh kedua-dua pihak didalam Buku Lorong dan Wang Apongan (R2.00) seperti di Lampiran C.

CONTROLLED COPY NO 18

9.4.4 Simpan semua barang persendirian di dalam loker yang disediakan dan pastikan berkunci.

9.4.5 Membaca notis dan pekeliling mengenai:-

a) Perkembangan terbaru syarikat untuk makluman dan tindakan, jika ada.

b) Arahan terbaru dari syarikat / jabatan untuk makluman dan tindakan, jika ada.

c) Menghadiri sesi mukadimah yang diketuai oleh Penyelia / Pegawai Plaza.

9.4.6 Sesi mukadimah (jika perlu) merupakan salah satu cara penyampaian dan penerimaan maklumat secara langsung kepada / daripada jurutol dengan objektif seperti berikut:

a) Membentuk saluran komunikasi dua hala diantara Penyelia Plaza / Pegawai Plaza dengan Jurutol.

b) Pengumuman mengenai aktiviti syarikat,TOM, plaza dan hostel.

c) Pengumuman / penerangan tentang prosedur kerja, arahan kerja sama ada yang sedia ada dan / atau yang terbaru.

d) Pengumuman isu-isu semasa yang berkaitan dengan tugasan harian.

e) Jurutol adalah diwajibkan untuk menghadiri mukadimah sekiranya diarahkan oleh Penyelia Plaza atau Pegawai Plaza.

9.5 Permulaan Tugas Di Bangunan Penyeliaan *'Supervision Building'*.

9.5.1 Jurutol akan menerima perkara-perkara seperti berikut daripada Penyelia Plaza untuk persediaan sebelum memulakan tugas di lorong / pondok tol:

a) Wang Apongan – hendaklah disahkan jumlahnya di hadapan penyelia plaza dan diakui penerimaannya dengan menandatangani di dalam Buku Lorong dan Wang Apongan (R2.00) Sebarang perbezaan jumlah wang apongan perlu dinyatakan kepada Penyelia Plaza untuk tindakan selanjutnya.

b) Resit Gantian - hendaklah dikira dan diakui penerimaannya didalam Buku Lorong dan Wang Apongan (R2.00).

c) Borang Laporan Syif Operasi (B9.00) seperti di **Lampiran D**.

d) Cop tarikh dan '*Stamp Pad*'.

e) Kunci Pondok Tol (sekiranya perlu).

f) *'Touch Key'* dan Kapsul 'ACTS'.

g) Klip Fail

h) Beg Kanvas / *'Cash Box'*

i) Notis Bayaran Tol Yang Belum Dijelaskan seperti di **Lampiran E**.

9.6 Permulaan Tugas Di Lorong / Pondok Tol

9.6.1 Memakai jaket keselamatan *'Safety Vest'* ketika turun ke Lorong atau ke Bangunan Plaza.

CONTROLLED COPY NO 18

9.6.2 Sebelum memulakan tugas, pastikan tahap kebersihan dan kelengkapan peralatan di lorong / pondok tol adalah memuaskan. Buat catatan pemeriksaan di dalam Borang Laporan Syif Operasi (B9.00). Penyelia plaza hendaklah dihubungi dengan segera melalui interkom sekiranya terdapat sebarang kerosakan yang dianggap kritikal yang boleh menjejaskan operasi.

9.6.3 Laporkan kepada penyelia jika terdapat barang-barang yang tertinggal (contoh; wang kutipan, resit gantian) oleh jurutol sebelumnya.

9.6.4 Interkom Penyelia Plaza untuk meminta kebenaran untuk memulakan operasi. Masukkan nombor *'Badge'* di *'Toll Collector Console'* (TCC) dan tunggu pengesahan daripada Penyelia Plaza dari Bilik Kawalan. Sekiranya didapati *'Toll Collector Console'* (TCC) tidak berfungsi atau bermasalah, laporkan kepada Penyelia Plaza dengan segera serta dapatkan arahan untuk tindakan selanjutnya.

9.6.5 Buka palang *'Manual Lane Barrier'* (MLB) jika sebelum ini lorong ditutup dan seterusnya hijaukan laluan*'Overhead Traffic Light'* (OTL).

9.6.6 Sekiranya didapati mesin *'Toll Collector Console'* (TCC) tidak berfungsi, laporkan kepada Penyelia Plaza dengan segera dan dapatkan arahan daripada Penyelia Plaza untuk tindakan seterusnya.

9.7 Pengendalian Operasi Bagi Transaksi Di Lorong

9.7.1 Terdapat 1 (Satu) jenis mod operasi yang dijalankan:-

9.7.1.1 Mod Campuran, jenis transaksi:

a) Transaksi Biasa - Tunai & Touch 'n Go

b) Transaksi Luarbiasa - Kecuali, *'IOU'*, *'MTL'*, *'HPMC'*

9.8 Pengendalian Operasi Pungutan Bagi Transaksi Biasa

9.8.1 Pengendalian Operasi Pungutan Bagi Transaksi Biasa

9.8.1.1 Transaksi Touch 'n Go (TnG) – Mod Campuran *'Mix Mode'*

a) Tekan butang kelas kenderaan.

b) Pengguna sentuh Kad TnG pada *'TnG Reader'* dan pastikan maklumat mengenai kad TnG tersebut tertera pada *'Toll Collector Console'* (TCC) terlebih dahulu.

Peringatan

i. Sekiranya Kad TnG disenarai hitam,kad tidak boleh dibaca, tidak sah atau tiada kad, jurutol hendaklah meminta pengguna membayar secara tunai dan menggunakan Kad MT yang dibekalkan oleh Penyelia Plaza dengan menyentuh kad tersebut pada *'reader'*. Jurutol hendaklah merekodkan setiap penggunaan kad di dalam Laporan Syif Operasi (B9.00). Duit kutipan bagi penggunaan Kad MT diserahkan kepada Penyelia Plaza sewaktu tamat syif.

ii. Jika pengguna gagal membuat bayaran tunai, tekan butang Tidak Bayar / Bayar Lewat *'IOU'* (rujuk perkara 9.8.2.5 Pencerobohan Tol).

iii. Jika Kad MT hilang atau patah, Jurutol dikehendaki membayar ganti rugi kad berserta dengan nilai di dalam kad serta-merta.

CONTROLLED COPY NO 18

9.8.2 Pengendalian Operasi Pungutan Bagi Transaksi Luarbiasa

9.8.2.1 Jurutol dimestikan melaporkan kepada Penyelia Plaza melalui interkom setiap kali pada masa transaksi luarbiasa berlaku di lorong dan membuat catatan sewajarnya didalam Borang Laporan Syif Operasi (B9.00).

9.8.2.2 Kenderaan yang dikecualikan dari membuat bayaran tol adalah seperti yang telah diwartakan seperti berikut (kenderaan yang membawa) :

a) DYMM Yang Di-Pertuan Agong dan / atau Raja Permaisuri Agong.

b) Sultan dan / atau Permaisuri negeri-negeri di Malaysia.

c) Yang Di-Pertuan Negeri dan / atau isteri.

d) Dato'-Dato' Undang Negeri Sembilan atau Tengku Besar Tampin dan / atau isteri-isteri mereka.

e) Tengku Mahkota atau Raja Muda dan / atau isteri negeri-negeri di Malaysia.

f) Raja Di-Hilir Perak dan / atau isteri.

g) Orang-orang kenamaan asing dari negara luar.

h) Kenderaan yang membawa Perdana Menteri atau Timbalan Perdana Menteri.

i) Semua kenderaan tentera atau sebarang kenderaan tentera luar yang melawat Malaysia.

j) Semua kenderaan kerajaan yang sedang menjalankan tugas-tugas seperti ambulans, bomba, polis atau tugas menyelamat termasuk :

i. Kenderaan penyelamat daripada Jabatan Pertahanan Awam (JPA).

ii. Kenderaan daripada Jabatan Penjara Malaysia yang sedang yang sedang membawa / mengiring tahanan.

iii. Pasukan Mencari Dan Menyelamat Khas (SMART).

iv. Semua kenderaan bukan kerajaan yang sedang menjalankan tugas-tugas ambulans, memadam kebakaran dan menyelamat.

v. Motorsikal beroda 3 atau 4 yang digunakan oleh orang kurang upaya.

vi. Kenderaan Kelas 0 – 2 gandar dan 2 tayar seperti basikal dan motorsikal.

9.8.2.3 Transaksi Kecuali

Untuk kenderaan dikecualikan dari bayaran tol seperti yang diwartakan oleh kerajaan.

CONTROLLED COPY NO 18

Cara pengendalian – sebuah kenderaan

a) Tekan butang kelas kenderaan tersebut

b) Menerima surat pengecualian tol, jika diberikan seperti di **Lampiran F**.

c) Tekan butang 'KECUALI'

d) Ambil nombor kenderaan, kelas kenderaan, waktu dan jenis kecuali.

e) Buat catatan di dalam Borang Laporan Syif Operasi (B9.00).

f) Laporkan kepada penyelia plaza menerusi interkom.

9.8.2.4 Transaksi *'High Patronage & Military Convoy'* (HPMC)

Untuk kenderaan dikecualikan dari bayaran tol seperti yang diwartakan oleh kerajaan. Jika melebihi sebuah kenderaan.

Cara Pengendalian – lebih daripada sebuah kenderaan (Ikut rapat)

a) Tekan butang '*HPMC*' untuk memulakan *'HPMC'*

b) Ambil surat pengecualian tol sekiranya diserahkan.

c) Kira bilangan kenderaan, kelas kenderaan, waktu dan jenis konvoi.

d) Tekan semula butang *'HPMC'* untuk menamatkan sesi *'HPMC'* (pastikan konvoi telah selesai). Untuk meneruskan transaksi biasa.

e) Buat catatan di dalam Borang Laporan Syif Operasi (B9.00)

f) Laporkan terus kepada penyelia plaza menerusi interkom

9.8.2.5 Pencerobohan Tol (Tidak Bayar / Kurang Bayar) *'IOU'*

Kenderaan yang membuat kesalahan seperti menceroboh (langgar lari), tidak mahu membayar atau membayar tol kurang daripada kadar sepatutnya mengikut kelas kenderaan tersebut.

Cara pengendalian

a) Ambil bayaran sekiranya diberikan.

b) Tekan butang Tidak Bayar / Bayar Lewat '*IOU*' kecuali kenderaan menceroboh (langgar lari). Isikan Borang Aduan / Pencerobohan Tol (B4.00) seperti di **Lampiran G**.

c) Isikan Notis Bayaran Tol Yang Belum Dijelaskan dan serahkan salinan putih kepada pengguna kecuali kenderaan menceroboh.

d) Maklumkan kepada Penyelia Plaza, sekiranya terdapat pengguna yang tidak memberikan maklumat yang diperlukan (Tunggu arahan seterusnya daripada penyelia).

e) Tekan butang 'TERIMA' setelah mendapat maklumat lengkap kecuali kenderaan menceroboh (langgar lari).

CONTROLLED COPY NO 18

f) Buat catatan di dalam Borang Laporan Syif Operasi (B9.00) mengenai jenis kenderaan, kelas kenderaan, nombor pendaftaran, warna, masa kejadian, jumlah yang dibayar dan tidak dibayar.

g) Laporkan terus kepada penyelia plaza menerusi interkom.

Catatan
Jurutol tidak dibenarkan sama sekali melepaskan kenderaan sebelummemperolehi maklumat lengkap daripada pengguna. Adalah menjadi tanggungjawab jurutol membayar nilai transaksi tersebut sekiranya gagal memperolehi maklumat yang diperlukan.

9.8.2.6 Salah tekan kelas kenderaan (Tekan Butang BATAL)

Salah kelas (Batal) – Contohnya kelas 3 tertekan kelas 1 sebelum menekan butang 'TERIMA'.

Cara pengendalian

a) Tekan butang 'BATAL'

b) Tekan butang kelas sebenar mengikut kelas.

c) Ambil bayaran mengikut kelas sebenar dari pengguna.

d) Tekan butang 'TERIMA' apabila menerima bayaran secukupnya atau setelah memulangkan baki bayaran kepada pengguna.

e) Tekan butang 'RESIT' dan serahkan resit sekiranya diminta.

f) Buat catatan di dalam Borang Laporan Syif Operasi (B9.00).

g) Sekiranya pengguna enggan membayar kadar sepatutnya, jurutol hendaklah melakukan (rujuk perkara 9.8.2.5 Pencerobohan Tol).

h) Laporkan kepada penyelia plaza menerusi interkom.

9.8.2.7 Salah tekan kelas kenderaan (Tekan Butang TERIMA)

Salah kelas (Set Semula) – Contohnya kelas 3 tertekan kelas 1 sebelum menekan butang 'TERIMA'.

Cara pengendalian

a) Tekan butang 'RESIT' dan keluarkan resit yang salah (Bukti pengesahan)

b) Tekan butang 'SET SEMULA'

c) Tekan butang kelas kenderaan sebenar.

d) Ambil bayaran mengikut kelas sebenar dari pengguna

e) Tekan butang 'TERIMA' apabila menerima bayaran secukupnya atau setelah memulangkan baki bayaran kepada pengguna.

f) Tekan butang 'RESIT' dan serahkan resit sekiranya diminta.

g) Buat catatan di dalam Borang Laporan Syif Operasi (B9.00).

CONTROLLED COPY NO 18

h) Sekiranya pengguna enggan membayar kadar sepatutnya, jurutol hendaklah melakukan (rujuk perkara 9.8.2.5 Pencerobohan Tol).

i) Laporkan terus kepada Penyelia Plaza menerusi interkom.

9.8.2.8 Penggunaan Kad Servis

Kad Servis adalah bagi kegunaan kenderaan syarikat sahaja atau yang telah ditetapkan penggunaan oleh syarikat.

Cara Pengendalian

a) Tekan butang kelas kenderaan sebenar.

b) Pemandu sentuh Kad TnG pada '*TnG Reader*' dan pastikan maklumat mengenai kad TnG tersebut tertera pada *'Toll Collector Console'* (TCC) terlebih dahulu.

Peringatan

i. Sekiranya Kad TnG disenarai hitam,kad tidak boleh dibaca, tidak sah atau tiada kad, jurutol hendaklah meminta pengguna membayar secara tunai dan menggunakan Kad MT yang dibekalkan oleh Penyelia Plaza dengan menyentuh kad tersebut pada '*reader*'. Jurutol hendaklah merekodkan setiap penggunaan kad di dalam Borang Laporan Syif Operasi (B9.00). Duit kutipan bagi penggunaan Kad MT diserahkan kepada Penyelia Plaza sewaktu tamat syif.

ii. Jika pengguna gagal membuat bayaran tunai, tekan butang Tidak Bayar / Bayar Lewat '*IOU*' (rujuk perkara 9.8.2.5 Pencerobohan Tol).

iii. Jika Kad MT hilang atau patah, Jurutol dikehendaki membayar ganti rugi kad berserta dengan nilai di dalam kad serta-merta.

9.8.2.9 Kenderaan EXPERT, Jika menunda

Cara Pengendalian

a) Tekan butang kelas kenderaan sebenar.

b) Pemandu sentuh'*Touch*' Kad TnG pada '*TnG Reader*' dan pastikan maklumat mengenai Kad Tng tersebut tertera pada *'Toll Collector Console'* (TCC) terlebih dahulu.

c) Tekan butang 'TERIMA'

d) Tekan butang 'SET SEMULA'

e) Tekan butang kelas kenderaan yang ditunda

f) Ambil bayaran mengikut kelas sebenar dari pengguna

g) Tekan butang 'RESIT' dan serahkan resit sekiranya diminta.

h) Buat catatan di dalam Borang Laporan Syif Operasi (B9.00).

CONTROLLED COPY NO 18

i) Sekiranya pengguna enggan membayar kadar sepatutnya, jurutol hendaklah melakukan (rujuk perkara 9.8.2.5 Pencerobohan Tol)

j) Laporkan terus kepada penyelia plaza menerusi Interkom

9.8.2.10 Untuk *'Manual Temporary Lane'*(MTL) di dalam pondok tol, Jurutol hendaklah menekan butang '*HPMC*' bagi memulakan operasi dan menekan butang '*HPMC*' sekali lagi bagi menamatkan *'Manual Temporary Lane'*(MTL).

9.8.2.11 Sekiranya melakukan *'Manual Temporary Lane'* (MTL) di lapisan belakang (sebagai contoh di bawah payung), Jurutol dikehendaki bersedia dan menerima bayaran apabila diberikan oleh pengguna.

Cara Pengendalian

a) Tentukan kelas sebenar kenderaan dan meminta bayaran dari pengguna.

b) Berikan Resit Gantian yang telah di cop tarikh semasa mengikut kelas kenderaan tersebut kepada pengguna.

c) Koyakkan Resit Gantian yang tidak diambil oleh pengguna serta-merta.

d) Musnahkan Resit Gantian serta-merta sekiranya tidak diambil oleh pengguna.

e) Catatkan penggunaan Resit Gantian didalam Rekod didalam Borang Laporan Syif Operasi (B9.00) jumlah penggunaanya.

9.8.2.12 Sekiranya operasi pungutan dibuat secara manual disebabkan kerosakan peralatan tol, kesesakan dan bekalan elektrik terputus, Jurutol dikehendaki membuat catatan jenis transaksi luarbiasa di dalam Borang Laporan Syif Operasi (B9.00) melainkan untuk pengguna Kad Servis yang mesti membayar tunai dan Resit Gantian hendaklah diberikan.

9.8.2.13 Jika berlaku kerosakan lorong 5 meter bagi Plaza Tol Kundang, jurutol hendaklah membuka lorong berikutnya dengan menekan butang untuk *'Swing Gantry'* dan mengaktifkan *'Mutlti Class Transaction'* sepenuhnya. Laporkan dengan kadar segera jika berlaku sebarang kerosakan sistem atau peralatan tol kepada penyelia bertugas.

9.9 Rehat

9.9.1 Waktu rehat ditentukan dan hanya setelah mendapat arahan / kebenaran daripada penyelia plaza sahaja.

9.9.2 Interkom Penyelia untuk meminta kebenaran untuk merahkan *'Overhead Traffic Light'* (OTL).

9.9.3 Tutup *'Manual Lane Barrier'* (MLB) – jika tiada pengganti

9.9.4 Tamat '*Job*' – *'Toll Collector Console'* (TCC)

9.9.5 Hantar wang kutipan yang melebihi anggaran RM1,000.00 ke '*Stocker*' menggunakan *'Automatic Cash Transfer System'* (ACTS) sebelum berehat kecuali bagi Plaza Tol Kundang.

9.9.6 Simpan wang kutipan hanya di dalam *'Safe Depository Locker'* (SDL).

9.9.7 Sambung operasi kutipan selepas waktu rehat tamat dengan segera.

CONTROLLED COPY NO 18

9.9.8 Maklumkan kepada Penyelia Plaza yang bertugas sebelum turun semula ke lorong dan sebelum menyambung semula tugas di dalam pondok tol.

9.9.9 Serah wang apongan yang diterima semasa memulakan tugas dan tandatangan di dalam Buku Lorong dan Wang Apongan (R2.00), jika kutipan tol mencukupi bagi menampung pertukaran wang semasa bertugas.

9.9.10 Jurutol yang bertugas secara terus menerus tanpa rehat boleh membuat tuntutan kerja lebih masa atas sebab-sebab berikut :-

a) Trafik sesak semua arah\

b) Pembukaan Lorong Tambahan Sementara (MTL)

c) Kekurangan tenaga kerja.

d) Peningkatan trafik secara mendadak

9.9.11 Bagi Plaza Tol Kundang rehat akan di ganti oleh penyelia bertugas / jurutol sediada bergantung kepada keadaan semasa.

9.10 Jurutol Pengganti

9.10.1 Jurutol ini bertugas untuk menggantikan tugas di lorong untuk jurutol utama yang diberi rehat, sakit atau di dalam kecemasan. Tugas dan tanggungjawab jurutol pengganti adalah sama seperti jurutol utama di mana wang apongan dan Resit Gantian akan juga diperuntukkan untuk beliau. Di akhir syif, beliau dikehendaki mengisi borang dan menyerahkan wang kutipan sama seperti yang dilakukan oleh jurutol utama.

9.11 Penamatan Tugas Di Lorong / Pondok Tol

9.11.1 Jurutol menutup lorong hanya setelah menerima arahan daripada Penyelia Plaza.

Cara pengendalian

a) Jurutol merahkan '*Overhead Traffic Light*' (OTL) dan menurunkan '*Manual*

b) *Lane Barrier*' (MLB) hanya apabila tiada kenderaan memasuki lorongnya.

c) Jurutol menekan kekunci 'TAMAT' pada mesin '*TCC*'.

d) Jurutol menekan kekunci 'MASUK' pada mesin '*TCC*'.

e) Kunci pondok tol sekiranya perlu atau tiada Jurutol akan meneruskan operasi di pondok berkenaan. Bawa semua dokumen dan kesemua wang kutipan untuk pengiraan di bilik pengiraan. Jurutol tidak dibenarkan berehat, mengunjungi atau melencong ke mana-mana tempat / bilik sebaliknya hendaklah terus menuju ke bilik pengiraan (TOD).

9.12 Tugas-tugas pengiraan didalam bilik penggiraan '*Tour Of Duty*' (TOD)

9.12.1 Jurutol mengira dan mengisytiharkan semua wang kutipan tersebut dengan mengisi Borang Laporan Pungutan (B3.00) seperti di **Lampiran H**.

9.12.2 Seterusnya Jurutol tersebut menyerahkan semua wang kutipan dan Borang Laporan Pungutan (B3.00) untuk dikira oleh Penyelia Plaza.

9.12.3 Sekiranya terdapat perbezaan di antara pengiraan Jurutol dan pengiraan Penyelia Plaza, kedua-dua pihak dikehendaki mengira semula dan mengesahkan jumlah sebenarnya.

CONTROLLED COPY NO 18

9.12.4 Setelah jumlah tersebut dipersetujui, Jurutol dan Penyelia Plaza akan menurunkan tandatangan di dalam Borang Laporan Pungutan (B3.00) tersebut dan Jurutol akan menerima salinannya.

9.13 Tugas-tugas Penyemakan dan Penyesuaian Data *'Reconciliation'*

9.13.1 Bagi membuat penyemakan data lorong tunai, pastikan dokumen-dokumen berikut diserahkan kepada penyelia bertugas :

a) Borang Laporan Pungutan Jurutol (B3.00)

b) Laporan *'Tour of Duty'* (TOD) yang telah dicetak *'Print'*.

c) Borang Laporan Syif Operasi (B9.00).

d) Borang Aduan / Pencerobohan Tol (B4.00).

e) Surat Pengecualian Tol (sekiranya ada).

f) Resit Gantian yang belum digunakan.

g) *'Counterfoil'* Resit Gantian yang habis digunakan

h) Notis Bayaran Tol Yang Belum Dijelaskan yang belum digunakan.

i) Salinan Notis Bayaran Tol Yang Belum Dijelaskan yang telah digunakan.

9.13.2 Bagi membuat penyemakan data lorong tambahnilai *'Reload Lane'*, pastikan dokumen-dokumen berikut diserahkan kepada penyelia :

a) Borang Laporan Pungutan Jurutol (B3.00)

9.13.3 Kira baki Resit Gantian dan sahkan di dalam Borang Laporan Syif Operasi (B9.00) jumlah penggunaannya.

9.13.4 Jurutol hendaklah hadir serta menyaksikan proses penyemakan dan penyesuaian data berpandukan laporan *'End–of–Job'* (EOJ) dan borang- borang yang telah diserahkan kepada Penyelia Semak Data seperti di **Lampiran I**.

9.13.5 Setelah itu Jurutol hendaklah menyemak Borang Penyesuaian Pungutan Tol (B7.00) dan megesahkannya jika bersetuju seperti di **Lampiran J**.

9.13.6 Pegawai Plaza perlu menjalankan sesi kaunseling untuk setiap kesalahan yang berulang atau melebihi RM10.00 dan keatas terhadap jurutol terbabit dengan mengisi Borang Perhubungan Perusahaan 1 (B12.00) seperti di **Lampiran K** serta memajukan kepada HOD untuk tindakan selanjutnya.

9.13.7 Walaubagaimanapun, pengesahan kepada setiap kejadian adalah tertakluk kepada penyesuaian data akhir yang dilakukan oleh TOM.

9.13.8 Surat Peringatan akan dikeluarkan oleh Jabatan Tol dan ditandatangani oleh HOD bagi setiap kesalahan yang ketiga atau lebih pada bulan yang sama.

9.13.9 Sekiranya kejadian tersebut masih berlaku selepas surat peringatan ketiga dikeluarkan oleh TOM, HOD akan mengesyorkan kepada HTOM supaya kes tersebut dirujuk ke Jabatan Khidmat Sokongan Korporat supaya tindakan seterusnya dengan mengeluarkan Surat Amaran diatas kesalahan perbezaan kutipan seperti berikut:

(a) melebihi lima (5) kali atau lebih RM50.00 dalam masa satu (1) bulan – yang mana terdahulu.

CONTROLLED COPY NO 18

9.13.10 Tindakan yang lebih berat boleh diambil sekiranya terdapat perbezaan yang melebihi kadar yang tertulis di atas berdasarkan kepada setiap kes yang dirujuk.

9.13.11 Semua kurangan hendaklah dijelaskan serta-merta.Kegagalan menjelaskan kurangan akan diambil tindakan disiplin.

9.13.12 Sebarang kelewatan dalam pembayaran dan / atau penyerahan kurangan yang disebabkan masalah sistem dan / atau masalah-masalah lain yang memerlukan tindakan lanjut atau pertimbangan hendaklah dilaporkan terus kepada HOD berserta dokumen sokongan.

9.14 Penamatan Syif / Tugas

9.14.1 Adalah menjadi tanggungjawab jurutol memastikan Bangunan Plaza sentiasa bersih dan kemas.

9.14.2 Semua peralatan yang diterima semasa permulaan syif hendaklah diserahkan kembali kepada Penyelia Plaza.

9.14.3 Sentuh *'Touch'* kad kedatangan pada *'reader'* di pintu *'Staff Entrance'* untuk penamatan syif.

10.0 LORONG TAMBAH NILAI (RELOAD LANE)

10.1 Lorong tambah nilai adalah kemudahan yang disediakan kepada pengguna untuk membuat tambah nilai di lorong atau plaza tol terpilih yang ditentukan oleh pihak pengurusan.

10.1.1 Cara Pengendalian Tambah nilai Kad TnG

a) Login dan masukkan nombor ID.

b) Terima Kad TnG berserta bayaran.

c) Dapatkan pengesahan jumlah tambah nilai sebenar daripada pengguna.

d) Letakkan Kad TnG diatas mesin *'Portable Reload Terminal'* (PRT).

e) Memasukkan jumlah sebenar tambah nilai mengikut permintaan pengguna.

f) Tunggu sehingga resit dikeluarkan oleh *'Portable Reload Terminal'* (PRT)

g) Tekan kelas kenderaan sebenar.

h) Sentuh'*Touch*' Kad TnG pada *'Tng Reader'*.

i) Serahkan Kad TnG, resit berserta baki jika ada.

j) Berikan ucapan terima kasih kepada pengguna.

10.1.2 Pembatalan Tambah nilai Kad TnG

(a) Mengambil semula Kad TnG berserta resit asal dari pengguna

(b) Semak resit asal dan sahkan nilai yang dimasukkan.

(c) Maklumkan kepada Penyelia Plaza (Tunggu arahan seterusnya)

(d) Lakukan pembatalan nilai yang salah

(e) Memasukkan jumlah nilai sebenar

CONTROLLED COPY NO 18

(f) Serahkan kad TnG, resit baru berserta baki jika ada.

(g) Berikan ucapan terima kasih.

Peringatan
Dapatkan pengesahan daripada pengguna terlebih dahulu sebelum memasukkan nilai di dalam kad TnG bagi mengelak sebarang permasalahan.

Pembatalan tambah nilai yang salah di dalam Kad TnG hanya boleh dilakukan sekiranya pengguna masih berada dilorong dan Kad TnG belum sentuh pada *'Tng Reader'*. Jika terdapat pengguna yang ingin membuat aduan berhubung pembatalan tambahnilai salah selepas sentuh *'Touch'* pada *'Tng Reader'*. Minta pengguna berjumpa dengan Penyelia Plaza untuk tindakan seterusnya.

10.2 Transaksi Tidak Berjaya *'Unsuccessful Transaction'*

10.2.1 *'Unsuccessful Transaction'* boleh dikategorikan seperti berikut :

(a) Terdapat masalah Kad TnG sewaktu tambah nilai (contoh : kad rosak,senarai hitam, dll)

(b) Masalah sistem – resit menunjukkan tertera nilai yang dimasukkan tidak berjaya *'Unsuccessful'*

(c) Penalti yang dikenakan oleh Pihak TnG disebabkan transaksi tidak lengkap.

10.2.2 Penalti *'Double Charge'*- cara pengendalian (setelah nilai berjaya dimasukkan)

(a) Serahkan resit dan baki jika ada.

(b) Maklumkan kepada pengguna

(c) Laporkan terus kepada Penyelia Plaza

(d) Minta pengguna berjumpa dengan Penyelia Plaza

(e) Berikan ucapan terima kasih

Peringatan
Tidak dibenarkan membuat transaksi berikutnya. Kegagalan mengikut arahan menyebabkan kurangan didalam kutipan adalah menjadi tanggungjawab Jurutol untuk menggantikan semula nilai kurangan tersebut.

10.3 Kad TnG Rosak

10.3.1 Cara pengendalian

(a) Maklumkan kepada pengguna

(b) Serahkan kembali wang yang diterima

(c) Berikan ucapan terima kasih

(d) Laporkan terus kepada Penyelia Plaza

10.4 Masalah Sistem (Resit Tertera *'Unsuccessful'*)

10.4.1 Cara pengendalian (Berjaya)

(a) Terima Kad TnG berserta bayaran

CONTROLLED COPY NO 18

(b) Semak resit asal yang telah dicetak *'Print'* untuk memastikan tambahnilai berjaya.

- Baki sebelum yang tertera pada resit yang dicetak
- Baki selepas yang tertera pada resit yang dicetak

(c) Sentuh *'Touch'* Kad TnG pada *'Portable Reload Terminal'* untuk membuat pengesahan nilai yang dimasukkan.

(d) Simpan resit asal tersebut untuk rujukan Penyelia Plaza.

(e) Laporkan terus kepada Penyelia Plaza melalui interkom dengan serta-merta.

10.5 Cara pengendalian (Tidak Berjaya)

10.5.1 Semak resit yang telah dicetak *'Print'* untuk memastikan tambah nilai gagal.

(a) Baki sebelum yang tertera pada resit yang dicetak

(b) Baki selepas yang tertera pada resit yang dicetak

10.5.2 Sentuh *'Touch'* Kad TnG pada *'Tng Reader'* untuk membuat pengesahan nilai yang dimasukkan.

10.5.3 Serahkan kembali Kad TnG berserta wang yang terima kepada pengguna.

10.5.4 Berikan ucapan terima kasih.

Peringatan

Tidak dibenarkan membuat transaksi berikutnya. Kegagalan mengikut arahan menyebabkan kurangan didalam kutipan adalah menjadi tanggungjawab Jurutol untuk menggantikan semula nilai kurangan tersebut.

10.6 Penamatan Tugas Di Lorong Tol / Pondok Tol

10.6.1 Jurutol menamatkan tugas hanya setelah menerima arahan daripada Penyelia Plaza.

10.6.2 Jurutol melakukan perkara berikut :

(a) Jurutol merahkan *'Overhead Traffic Light'* (OTL) dan menurunkan *'Manual Lane Barrier'* (MLB) hanya apabila tiada kenderaan memasuki lorongnya.

(b) Tekan butang *'EXIT'*

(c) Tekan butang *'MENU'*.

(d) Masukkan nombor *'Badge'* Penyelia.

(e) Cetak *'Print'* LAPORAN'

10.7 Proses Penyerahan Wang Kutipan Tambah nilai dan Penyemakan Data

10.7.1 Jurutol mengira dan mengisytiharkan semua wang kutipan tersebut dengan mengisi Borang Laporan Pungutan (B3.00).

10.7.2 Seterusnya Jurutol tersebut menyerahkan semua wang kutipan dan Borang Laporan Pungutan (B3.00) untuk dikira dan disahkan oleh Penyelia Plaza.

CONTROLLED COPY NO 18

10.7.3 Sekiranya terdapat perbezaan di antara kiraan Jurutol dan kiraan Penyelia Plaza, kedua-dua pihak dikehendaki mengira semula dan mengesahkan jumlah sebenarnya di dalam Borang Laporan Pungutan (B3.00).

10.7.4 Setelah jumlah tersebut dipersetujui, Jurutol dan Penyelia Plaza akan menurunkan tandatangan di borang tersebut dan Jurutol akan menerima salinan Borang Laporan Pungutan (B3.00).

10.7.5 Jurutol hendaklah hadir serta menyaksikan proses penyemakan dan penyesuaian data berpandukan berikut :

(a) Borang Laporan Pungutan Jurutol (B3.00)

(b) *'Batch Summary'*

(c) *'Batch Detail'*

10.7.6 Jurutol hendaklah menyemak Borang Penyesuaian Kutipan *'Portable Reload Terminal'* (T2.00) dan mengesahkannya jika bersetuju. Jika terdapat sebarang perbezaan dalam kutipan tol melebihi RM10.00 (Sepuluh Ringgit) kes dirujuk perkara 9.13.6.

10.7.7 Tindakan yang lebih berat boleh diambil sekiranya terdapat perbezaan yang melebihi kadar yang tertulis di atas berdasarkan kepada setiap kes yang dirujuk.

10.7.8 Semua kurangan hendaklah dijelaskan serta-merta.Kegagalan menjelaskan kurangan akan diambil tindakan disiplin.

11.0 ADUAN PENGGUNA

11.1 Sekiranya terdapat aduan daripada pengguna, Jurutol hendaklah mengambil langkah -langkah berikut :

11.1.1 Dengar dengan teliti setiap aduan yang di terima.

11.1.2 Dapatkan maklumat lengkap atau pun perkara yang diadukan.

11.1.3 Minta pengguna berjumpa dengan penyelia plaza.

11.1.4 Laporkan kepada Penyelia Plaza melalui interkom serta-merta.

11.1.5 Jangan biarkan pengguna menunggu terlalu lama.

11.1.6 Gunakan pendekatan 3S (Salam, Senyum dan Sabar).

11.1.7 Ucapkan terima kasih kepada pengguna.

12.0 PERALATAN DI BANGUNAN PENYELIAAN

12.1 *'Plaza Computer System'* (PCS)

12.1.1 *'PCS'* berfungsi untuk mengumpul, merekod dan mengurus data dari sistem kutipan tol di setiap plaza tol. Maklumat terkini diterima dari lorong tol melalui sistem rangkaian komputer yang akan diselia oleh Penyelia Plaza. Data juga akan dihantar ke *Head Quarters Computer System* (HQCS) yang terdapat di Kompleks Operasi Lebuhraya KL-Kuala Selangor.

12.2 Interkom

12.2.1 Interkom adalah alat perhubungan dua hala di antara Penyelia Plaza di bangunan penyeliaan dengan jurutol di pondok tol serta pengguna di lorong SmartTag dan TnG. Sistem ini membolehkan Penyelia Plaza berkomunikasi sama ada dengan satu

CONTROLLED COPY NO 18

atau kesemua lorong / pondok tol. Manakala jurutol / pengguna SmartTag atau TnG di lorong / pondok tol hanya boleh berkomunikasi dengan Penyelia Plaza di bilik kawalan sahaja tetapi tidak dengan jurutol / pengguna di lain-lain lorong / pondok tol.

12.3 *'Closed Circuit Television'* (CCTV)

12.3.1 *'CCTV'* ditempatkan di sekitar kawasan plaza tol bertujuan mengawasi serta menjaga keselamatan kakitangan yang bertugas serta kawasan sekitar plaza tol. Terdapat 4 jenis *'CCTV'* sedia terpasang:

(a) *'CCTV 1'* - mengawasi kawasan di dalam bangunan penyeliaan.

(b) *'CCTV 2'* - mengawasi lorong- lorong tol.

(c) *'CCTV 3'* - mengawasi kawasan persekitaran plaza tol.

(d) *'CCTV 4'* - mengawasi kakitangan di dalam Pondok Tol

12.4 *'Public Address'* (PA) *'System'*

12.4.1 Sistem (PA) adalah alat sokongan kepada Penyelia Plaza untuk membuat pengumuman atau arahan kepada jurutol atau orang awam secara umum di kawasan plaza tol.

12.5 *'Automatic Cash Transfer System'* (ACTS)

12.5.1 *'ACTS'* adalah satu sistem / alat yang membolehkan Penyelia Plaza dan jurutol menghantar / menerima barangan kecil dan ringan seperti wang pungutan, resit gantian dan wang apongan kepada penyelia plaza / jurutol melalui perantaraan iaitu *'Main Station'* dan / atau *'Stocker'* di plaza tol kepada *'DAB Station'* di pondok tol.

12.5.2 Jurutol perlu menyentuhkan *'Touch Key'* mereka di *'Reddition Station'* di bilik pengiraan untuk mendapatkan kembali kapsul masing-masing dari *'Stocker'*. *'Touch Key'* akan diberikan kepada Jurutol sebelum mula bertugas pada setiap syif yang mesti dipulangkan pada setiap tamat syif.

12.5.3 Hanya seorang sahaja jurutol yang dibenarkan berada di dalam bilik *'Stocker'* ketika proses pengeluaran / mendapatkan kembali kapsul dilakukan.

12.5.4 Peralatan ini tidak disediakan di Plaza Tol Kundang.

12.6 *'Real Time Display Monitoring'* (RTDM)

12.6.1 Berfungsi sebagai alat pemerhatian untuk aktiviti-aktiviti dan juga tempat untuk menerima sebarang penggera daripada lorong / pondok tol. Ia memaparkan status semua lorong di dalam satu paparan. Ia juga sebagai tempat pemerhati bagi status peralatan dan transaksi di lorong / pondok tol dalam masa sebenar.

12.7 *'Tour Of Duty'* (TOD)

12.7.1 Berfungsi untuk merekodkan kehadiran dan pengisytiharan wang kutipan tol setelah jurutol tamat tugas di lorong / pondok tol.

13.0 PERALATAN DI PONDOK / LORONG TOL

13.1 *'Overhead Traffic Light'* (*OTL*)

13.1.1 *'OTL'* dikawal melalui *'Toll Collector Console'* (TCC)' sebagai pemberitahuan dan panduan kepada pengguna yang menunjukkan sama ada lorong dibuka (hijau) atau lorong ditutup (merah).

CONTROLLED COPY NO 18

13.2 *'Manual Lane Barrier'* (MLB)

13.2.1 *'MLB'* dikendalikan secara manual untuk memaklumkan kepada pengguna sama ada lorong dibuka atau ditutup. *'MLB'* mempunyai hubungan terus dengan *'OTL'* dimana *'OTL'* hanya boleh dihijaukan apabila *'MLB'* dibuka. Jika *'MLB'* ditutup, *'OTL'* akan merah secara otomatik.

13.3 *'Automatic Lane Barrier'* (ALB)

13.3.1 *'ALB'* dikawal secara otomatik oleh sistem komputer lorong mengikut jenis transaksi yang dilakukan di *'Toll Collector Console'* (TCC)'.

13.4 *'Lane Traffic Light'* (LTL)

13.4.1 *'LTL'* dikawal secara otomatik oleh sistem komputer lorong. *'LTL'* akan hijau apabila pengesahan bayaran tol telah dilakukan oleh Jurutol dan akan kembali merah apabila kenderaan telah melaluinya.

13.5 *'Toll Fare Indicator '*(TFI)

13.5.1 *'TFI'* memaklumkan kepada pengguna dan juga jurutol tentang kelas kenderaan, kadar bayaran yang dikenakan dan kata-kata ucapan mengikut jenis transaksi yang dilakukan.

13.6 *'Amber Security Beacon'* (ASB)

13.6.1 *'ASB'* mengeluarkan bunyi siren dan kilauan cahaya selama 5 saat apabila berlaku pencerobohan di lorong. Ia juga boleh berlaku apabila kenderaan meninggalkan lorong sebelum jurutol sempat melakukan transaksi secara sempurna di *'TCC'*.

13.7 *'Automatic Vehicle Classification'* (AVC)

13.7.1 *'AVC'* terdiri daripada *'Treadles'* dan *'Optical Barrier'*. Ia boleh mengesan dan mengklasifikasikan kenderaan yang lalu di lorong.

13.8 *'Emergency Alarm Footswitch'* (FSW)

13.8.1 *'FSW'* diletakkan di dalam setiap pondok tol untuk digunakan oleh jurutol untuk menghantar isyarat kecemasan kepada Penyelia Plaza sewaktu kecemasan, jika perlu.

13.9 *'Dot Matrix Receipt Printer '*(DMRP)

13.9.1 *'DMRP'* digunakan untuk mencetak resit tol, iaitu resit pembayaran kepada pengguna. Resit hanya perlu dicetak jika diminta oleh pengguna sahaja.

13.10 *'Toll Collector Console'* (TCC)

13.10.1 *'TCC'* adalah peralatan utama yang digunakan oleh Jurutol semasa bertugas di pondok tol. Ia mengandungi butang-butang (tetapi tidak tehad) seperti berikut:

(a) Butang pengkelasan jenis kelas kenderaan.

(b) Butang jenis transaksi.

(c) Butang kawalan *'OTL'*.

(d) Butang pembetulan proses transaksi secara terhad.

(e) Butang pencetak resit

CONTROLLED COPY NO 18

13.11 Interkom

13.11.1 Interkom adalah alat perhubungan yang digunakan untuk berhubung di antara jurutol / pengguna di pondok / lorong tol dengan Penyelia Plaza di bilik kawalan.

13.12 *'Lane Technical Cabinet'* (LTC)

13.12.1 *'LTC'* adalah kabinet yang mengandungi sistem komputer lorong yang mengawal semua peralatan di lorong.

13.13 *'Delivery and Acceptance Booth* (DAB) *Station'*.

13.13.1 *'DAB Station'* adalah alat / tempat penerimaan dan penghantaran kapsul menggunakan sistem ACTS di dalam pondok tol. Jurutol diwajibkan menggunakan kemudahan ini untuk menghantar wang pungutan ke *'Stocker'* setiap kali nilai wang pungutan telah dianggarkan melebihi RM 1,000.00 (Satu Ribu Ringgit Malaysia) pada satu-satu masa atau sejam beroperasi mengikut keperluan atas pertimbangan keselamatan. Penyelia plaza hendaklah dimaklumkan sebelum setiap penghantaran dibuat.

13.13.2 Peralatan ini tidak disediakan di Plaza Tol Kundang.

13.14 Pengesan Wang Palsu *'Money Detector'*

13.14.1 Pengesan wang palsu disediakan di dalam setiap pondok tol bagi menguji ketulenan wang kertas yang diterima daripada pengguna. Jurutol berhak untuk tidak menerima wang kertas daripada pengguna jika disyaki palsu / rosak dengan cara yang sopan dan bijak. Serahan wang pungutan yang mengandungi wang yang disyaki palsu / rosak setelah disahkan oleh syarikat keselamatan yang dilantik akan dianggap sebagai kurangan pungutan.

13.15 *'Air Cond* dan *Air Curtain'*

13.15.1 *'Air-cond'* dan *'Air-Curtain'* disediakan di dalam setiap pondok tol. *'Air-cond'* hendaklah sentiasa dipasang untuk keselesaan jurutol dan juga untuk mengelakkan peralatan di dalam pondok tol menjadi terlalu panas *'Overheat'*. *'Air-Curtain'* pula digunakan untuk mengurangkan kemasukan asap dan / atau habuk ke dalam pondok tol.

13.16 *'Electronic Toll Collection'* (ETC)

13.16.1 *'ETC'* adalah satu sistem pembayaran tol secara elektronik dari wang elektronik pra-bayar yang telah dimasukkan ke dalam Kad TnG pengguna.

